

20/01/2003

Valuecap rangsang semula selera pelabur

Fred Tam

SEMEMANGNYA tiada tokoh yang lebih baik untuk menyeru pelabur membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) selain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pada 9 Januari lalu, Perdana Menteri berkata, harga saham tempatan tidak mencerminkan nilai fundamentalnya yang sebenar, sekali gus

mencadangkan pembelian dibuat.

Sehari selepas itu, sebuah syarikat pengurus dana baru milik kerajaan, Valuecap Sdn Bhd (Valuecap) memulakan operasi dan membeli saham seterusnya

menyebabkan apa yang dilihat kini sebagai fasa bulis dengan Indeks Komposit (IK) mencatat kenaikan dalam enam sesi dagangan sehingga ini.

Selama enam sesi dagangan itu, harga saham naik sejajar dengan jumlah dagangan - sesuatu yang tidak pernah dilihat sejak sembilan bulan lalu. Jumlah dagangan minggu lalu ialah yang paling tinggi dalam sembilan bulan

manakala IK muncul sebagai angka tunjuk yang mencatat kenaikan tertinggi di Asia.

Walaupun rali selama enam hari itu menyebabkan pasaran terlebih belian,

kaunter berikutan kerajaan kelihatan terus mendapat sokongan dana. Kini muncul spekulasi yang mengatakan bahawa Valuecap sebenarnya belum mula membeli tetapi pengumuman mengenainya sudah mula mencetuskan minat belian

besar-besaran.

Saham yang sudah sejak sekian lama jatuh kerana fundamental yang lemah seperti Granite, Kejora, Tenggara, Artwright, Eden, Fourseasons, Golden Plus, Hai-O, London Biscuit, MFCB, Bernas, Nexnews, PWE, Bernas, Binaan Setegap and THGroup, mula mendapat minat peruncit.

Banyak daripada kaunter di papan kedua yang lemah kini sudah kembali ke

paras di mana mereka berada sembilan bulan lalu. Soalnya kini ialah apakah

kenaikan itu boleh bertahan, terutama apabila saham murah mula naik.

Adakah asas ekonomi negara sudah berubah atau ia sekadar sentimen yang positif?

Apabila harga saham mampu kembali ke paras September lalu dalam tempoh hanya seminggu, ia mungkin berlaku kesan perubahan asas ekonomi negara atau sesebuah syarikat. Apapun, ia pasti berpunca daripada psikologi pasaran. Mungkin persepsi pelabur semakin baik kesan berita kemasukan Valuecap.

Sejak sekian lama, kemampuan psikologi pasaran untuk melonjakkan harga saham diperkecilkan. Walaupun tidak kelihatan, ia jelas mempunyai pengaruh

yang besar terhadap situasi asas permintaan dan penawaran. Dalam kes ini,

berita kemasukan Valuecap merangsang permintaan dan seterusnya menaikkan harga.

Selagi pelabur mempunyai persepsi yang bulis terhadap pasaran, terlalu

sedikit yang akan menjual. Dalam keadaan itu, amat sedikit yang mahu menjual. Dalam senario itu, tekanan jualan tidak akan cukup kuat dan hanya

pembetulan kecil akan berlaku.

Jelas kelihatan bahawa teori yang diketengahkan oleh Charles Dow 100 tahun lalu bahawa "aliran yang meningkat akan kekal dalam peningkatan" masih boleh diguna pakai kini apabila sejarah cenderung untuk berulang.

Ringkasnya, kami percaya kemasukan Valuecap ke pasaran sudah terbukti berjaya mampu menukar persepsi pelabur terhadap pasaran. Jika sebelum ini

pelabur bimbang harga boleh jatuh lagi, dan enggan membeli, kehadiran Valuecap menyebabkan tidak siapa mahu ketinggalan.

Momentum pasaran kini sudah mengambil alih keseluruhan pasaran dan ini sudah tentu dapat melonjakkannya ke tahap lebih tinggi. Walaupun sentimen

saja tidak cukup untuk membuat pasaran bertahan, berita positif yang dicituskan oleh kemasukan Valuecap boleh menyebabkan rali bertahan selama

beberapa bulan.

Jelas kelihatan bahawa teori yang diketengahkan oleh Charles Dow 100 tahun lalu bahawa "aliran yang meningkat akan kekal dalam peningkatan" masih boleh diguna pakai kini apabila sejarah cenderung untuk berulang.

-

Penulis ialah Ahli Society of Technical Analysts, UK.